


Ketika membuat tinjauan di beberapa lokasi yang terjejas teruk dek bencana banjir dua bulan yang lalu, tempat yang paling memberi kesan ialah Kampung Manik Urai Lama. Banyak info yang dapat ketika menziarahi tempat itu. Dari simpang utama, saya bersama adik menyusuli jalan kampung, di sepanjang jalan itu kami terpancang satu pemandangan yang kurang menyenangkan iaitu ramai penduduk tempatan yang berpeleseran di tepi-tepi jalan, seolah-olah menunggu sesuatu.

Kenderaan yang masuk pada waktu itu berpusu-pusu sehingga menyebabkan kesesakan. Kesesakan juga berlaku akibat ramai penduduk kampung tersebut mengerumuni kenderaan yang berhenti untuk memberi bantuan. Mereka berdiri di tepi jalan menunggu bantuan dan seolah-olah meraih simpati dari pengunjung yang bertali arus. Melihat keadaan itu, penulis bingung, apakah bantuan makanan dan pakaian masih tidak mencukupi oleh penduduk sini? Penulis sendiri dari kampung sebelah, rumah keluarga terjejas teruk sehingga rumah dua tingkat tenggelam 100 peratus berasakan bantuan yang kami terima, lebih dari mencukupi.

Mak saya sendiri pernah menyatakan "Hebat bantuan banjir kali ni, makeney hok tok rajin jupo pun uuih raso." Manakala ayah juga pernah menyebut "Sedap jugok sekut ni (Munchys Chocolate), skalo duk make sekut mayat jah." Skrip perbualan

Corat coret

# BAH KUNING



seperti "koho semak demo loni sekat banjir, lebih pado mulo" Tidak asing lagi, ini kerana kebanyakan memakai pakaian yang diberikan oleh orang ramai elok-elok belaka.

Itu menunjukkan banyak bantuan yang sampai. Namun kini, setelah lebih dua bulan kejadian itu, penduduk setempat masih lagi berebut-rebut seolah-olah mereka mengalami kebuluran dan tiada pakaian untuk dipakai.

Melihat sendiri keadaan itu, saya sempat bertanya adik, apakah di kampung ini bantuan makanan masih tidak mencukupi? Adik menyatakan seakan mustahil makanan yang diberikan oleh banyak pihak masih tidak sampai kepada mangsa. Ini kerana boleh dikatakan bantuan sampai hampir 24 jam sehari semalam.

Mendengar penjelasan adik, saya yakin sememangnya bantuan

makanan, pakaian, barang asas sudah mencukupi, cuma mungkin ada yang terlepas pandang. Mungkin hanya segelintir saja terutamanya yang jauh terceruk di hujung kampung. Pada pemerhatian saya, keperluan makanan semuanya telah diperolehi, cuma apa yang masih lagi berkurang dan tidak mencukupi adalah daripada bantuan untuk membina semula rumah dan wang ringgit.

# hidup mewah



Perjalanan diteruskan menelusuri jalan bertar yang hampir musnah, memerhati puin-puin rumah penduduk kampung hingga ke stesen kereta api Manik Urai Lama. Kami melangkah ke kawasan yang orang ramai berkumpul. Mungkin itu pusat pembahagian bantuan kepada mangsa banjir, hati mula berteka-teki. Bersama kamera yang tersandang di bahu langkah terus diatur untuk merakamkan beberapa keping gambar sebagai kenang-kenangan.

Tiba-tiba seorang lelaki dalam lingkungan umur 40-an menyapa, "Dik, yang kat depan sana tu, berkumpul duduk kat situ semua bukan orang Manik Urai, tapi orang luar."

Berkerut dahi memikirkan maksud orang luar. Eh, orang luar? Kalau kami orang luar membawa maksud bukan orang Kelantan, contohnya orang Kuala Lumpur, kami menggelar 'orang luar'.


Alang-alang dia tegur terus soalan pancing dihulur untuk mengetahui cerita lebih lanjut, "Ye ke? Habis tu

mereka semua tu orang mana? Kenapa duduk sini?"

"Mereka semua tu orang Thailand yang datang mengambil kesempatan. Mereka duduk kat situ supaya orang bagi bantuan pada mereka, selepas tu barang tersebut dibawa balik ke rumah mereka di Kampung Peria, Kuala Krai, Kampung Bukit Sireh dan lain-lain. Bukan itu saja, ada juga orang Indonesia, orang Melayu yang tinggal di kampung lain pun ada. Itu yang kami tidak berpuas hati." Umpan pancing yang saya hulur mengena ikan yang tepat apabila lelaki itu terus saja bercerita.

Umpan dicampak lagi, "kenapa pak cik tidak puas hati?" Lelaki itu terus melontarkan kata-kata yang menggambarkan rasa hatinya. Dari riak wajahnya, dapat dilihat dia memang tidak berpuas hati dengan keadaan yang berlaku itu.

"Setiap kali bantuan yang dibawa oleh orang perseorangan atau sukarelawan sampai kawasan yang penduduk berkumpul beramai-ramai yang dituju. Walhal yang berkumpul itu keba-



nyakannya bukan orang kampung tersebut, lebih menyakitkan apabila mereka juga bukan mangsa banjir!

"Mereka yang selayaknya menerima bantuan dan lebih memerlukan kerana segala harta benda habis musnah, berputih mata dek kerana ada golongan yang rakus mengaut keuntungan. Tanpa segan silu mereka itulah yang berebut terlebih-lebih apabila bantuan sampai.

"Tanpa rasa bersalah mereka sanggup meminta-minta makanan serta pakaian daripada orang yang datang, jelas memalukan orang kampung. Ini dibimbangi orang yang datang akan membuat andaian bahawa peragang orang kampung tersebut sememangnya begitu.

"Apabila air surut, kami akan balik ke rumah masing-masing untuk operasi pembersihan dan kemaskan mana yang patut, tidak ada lagi masa untuk kami duduk-duduk berkumpul berbual seperti ini, banyak yang perlu dibersihkan. Tapi kebanyakan pihak yang memberi bantuan akan tumpu kepada tempat yang orang berkumpul walaupun mereka semua ni entah dari mana-mana. Kami tidak salahkan orang yang memberi bantuan, sebab mungkin mereka tidak tahu jalan dan

suasana kampung kami, tetapi yang kami geram ialah mereka yang mengambil kesempatan." Ternyata tidak sia-sia umpan yang dipasang apabila banyak habuan cerita yang saya dapat daripada pak cik itu.

Untuk membuktikan dakwaan itu benar, saya meringankan mulut bertegur sapa dengan sekumpulan manusia yang duduk berlonggok di sebarang jalan. Benar! Daripada percakapannya saya sudah dapat dikenali bahawa mereka bukan orang Kelantan. Pelatnya lain macam, dan kami tahu pelat itu pelat dari sebarang.

Hasil daripada perbualan itu, dapat saya simpulkan mereka sebenarnya datang ke situ hasil maklumat yang diterima daripada kawan-kawan dan kaum kerabat. Pada asalnya kehadiran mereka untuk melihat suasana kemusnahan kampung selepas banjir seperti yang diperkatakan oleh banyak pihak, juga mungkin untuk menerbitkan rasa insaf di hati mengenai kekuasaan Allah.

Namun, keterujaan itu berubah sepenuhnya apabila mereka mendapat sedikit bantuan daripada orang yang tidak dikenali. Lantas mereka membuat andaian, jika berada di situ cukuplah berbekalkan baju yang comot com-



pang-camping dan sedikit raut wajah sedih, akan dapat banyak bantuan lagi.

Iblis mula memainkan perannya dengan baik sekali. Dihasut, dipengaruhi, dijolok manusia dengan kesenangan. Dikaburi mata dengan harta dan nikmat dunia. Walhal mereka tidak sedar itu bukan hak mereka, tambahan pula barang yang terima itu bukan tahan lama pun, sedikit masa lagi akan hapak, beras dimakan bubuk, makanan akan habis tempoh. Tapi kerana tamak, mereka tetap juga duduk bersimpuh di situ, tanpa berbuat apa-apa, cukuplah mempamerkan riak wajah yang sayu seakan menanggung bebanan berat.

Teringat saya pada hadis Rasulullah s.a.w. mengenai 'makan harta' yang bukan hak kita, sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud: Sabda Rasulullah s.a.w: "Sesiapa yang merampas hak seorang Muslim dengan sumpahnya maka sesungguhnya Allah s.w.t. telah memastikan neraka untuknya dan mengharamkan untuknya syurga." Seseorang bertanya

Baginda: "Walaupun benda itu sedikit wahai Rasulullah?" Jawab Baginda: "Walaupun sebatang kayu sugi."

Allah! Begitu berat yang Rasulullah s.a.w. gambarkan bagi mereka yang sengaja mengambil harta orang lain. Tetapi selaku hamba yang lemah, mungkin mereka terlupa akan betapa pedihnya seksa neraka dan keinginan untuk menghayati hebatnya nikmat syurga juga terkurang. Namun kealpaan itu kita tidak boleh menyalahkan mereka sepenuhnya, mungkin ada faktor lain barangkali mempengaruhi.

Mungkin selama ini mereka hidup miskin sehingga sukar untuk mendapatkan makanan, bekerja pun kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Disebabkan itu bila melihat bantuan yang masuk ke kampung-kampung yang terjejas banjir dengan teruk, mereka mula berasa keseronokan mendapatkan barang dengan mudah. Apatah lagi sikap peramah dan pemurah pemberi bantuan dari seluruh Malaysia memberi tanpa usul periksa.